

BAB EMPAT

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Data yang diperolehi daripada jawapan yang diberi oleh responden dalam soal selidik, dianalisa dan dikemukakan dalam Bab Empat. Analisa data dibuat dalam lima bahagian. Bahagian pertama membincangkan maklumat diri responden dan diikuti dengan bahagian lain yang bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Maklumat yang dicari ialah kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali serta memahami nilai-nilai kewarganegaraan dan persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah.

4.2 Latar Belakang Responden Berdasarkan Etnik, Jantina, Jurusan dan Kelas Ekonomi (SES)

Kesemua 150 responden adalah terdiri daripada etnik Melayu. Seramai 68 orang (43.3%) adalah responden lelaki dan selebihnya 82 orang (54.7 %) adalah responden

perempuan. Responden terbahagi kepada dua jurusan secara sama rata iaitu seramai 75 orang (50 %) adalah daripada jurusan Sains dan selebihnya seramai 75 orang (50 %) adalah daripada jurusan Sastera. Taburan responden berdasarkan jantina dan jurusan, diterangkan secara ringkas dalam Jadual 1.

Dibandingkan daripada aspek SES, didapati seramai 58 orang (38.7 %) pelajar mempunyai ibubapa yang berkerja di sektor awam. Sementara itu, seramai 39 orang (26.0 %) pelajar mempunyai ibubapa yang bekerja dengan sektor swasta dan selebihnya seramai 53 orang (35.3 %) pelajar mempunyai ibubapa yang bekerja sendiri atau sudah bersara.

Jadual 1: Taburan Responden Berdasarkan Jantina dan Jurusan

Jantina	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Sains	26	38.2	49	59.8	75	50.0
Sastera	42	61.8	33	40.2	75	50.0
Jumlah	68	43.5	82	54.7	150	100

4.3 Kebolehan Pelajar Untuk Mengenalpasti Nilai-nilai Kewarganegaraan

Kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan ialah soalan kajian yang pertama. Bagi tujuan ini, responden diberikan 15 item yang terdiri daripada 15 nilai sub-kategori yang dipilih daripada lima kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan. Responden dikehendaki memberikan persetujuan masing-masing (rujuk soal selidik: Bahagian A – Item 1-15). Responden diminta menandakan sama ada mereka ‘Sangat Setuju’, ‘Setuju’, ‘Kurang Setuju’ dan ‘Tidak Setuju’.

Bagi memudahkan dan menjelaskan analisa data terhadap 15 nilai sub-kategori yang dipilih daripada lima kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan, respon pelajar untuk Bahagian A diterangkan dalam tiga jadual yang berasingan. Nilai-nilai kewarganegaraan ini dibahagikan kepada tiga, iaitu pertama ialah nilai-nilai kewarganegaraan yang melibatkan individu sahaja, kedua ialah nilai-nilai kewarganegaraan yang melibatkan individu dalam hubungannya dengan individu lain dan ketiga ialah nilai-nilai kewarganegaraan yang melibatkan individu dalam peranannya sebagai warganegara. Bagi tujuan meringkaskan analisa terhadap data yang telah diperolehi, kajian ini membuat andaian respon ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ ditafsirkan sebagai setuju. Sementara itu, respon ‘Kurang Setuju’ dan ‘Tidak Setuju’ ditafsir sebagai tidak setuju.

Sebanyak empat item daripada Bahagian A adalah nilai-nilai kewarganegaraan yang melibatkan individu sahaja iaitu Item 1, Item 13, Item 14 dan Item 15. Item 1 - ‘berakhlak dan berbudi pekerti mulia’ adalah nilai kewarganegaraan daripada kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan ‘Berbangga sebagai rakyat Malaysia’. Daripada data yang dikumpulkan, didapati seramai 137 orang (91.3 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 13 orang (8.7 %) pelajar tidak bersetuju.

Item 13, Item 14 dan Item 15 adalah nilai kewarganegaraan daripada kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan ‘Berusaha dan produktif’. Bagi Item 13 - ‘berdikari’ didapati seramai 131 orang 87.3 % pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, 19 orang (12.7 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 14 - ‘tabah menghadapi cabaran’ didapati seramai 133 orang (88.7 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 17 orang (11.3 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 15 - ‘sentiasa mempertingkatkan usaha’ didapati seramai 133 orang (88.6 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 17 orang (11.4 %) pelajar tidak bersetuju. Respon pelajar untuk empat nilai kewarganegaraan ini diterangkan secara terperinci dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bahagian A : Respon Pelajar Terhadap Nilai-nilai Kewarganegaraan Yang Melibatkan Individu Sahaja

Nilai-nilai Kewarganegaraan	Kekerapan					Jumlah
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
	Bil. %	Bil. %	Bil. %	Bil. %	Bil. %	Bil. %
Berakh�ak dan berbudi pekerti mulia	2 (1.3)	11 (7.3)	45 (30.0)	92 (61.3)	150 (100)	
Berdikari	6 (4.0)	13 (8.7)	72 (48.0)	59 (39.3)	150 (100)	
Tabah menghadapi cabaran	2 (1.3)	15 (10.0)	63 (42.0)	70 (46.7)	150 (100)	
Sentiasa mempertingkatkan usaha	2 (1.3)	15 (10.0)	65 (43.3)	68 (45.3)	150 (100)	

Sebanyak lima item daripada Bahagian A adalah nilai-nilai kewarganegaraan yang melibatkan individu dalam hubungannya dengan individu lain. Nilai-nilai ini ialah Item 7, Item 8, Item 9, Item 11 dan Item 12. Item 7, Item 8 dan Item 9 adalah nilai kewarganegaraan daripada kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan ‘Bersemangat kekitaan’. Item 11 dan Item 12 adalah nilai kewarganegaraan daripada kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan ‘Berdisiplin’.

Bagi Item 9 - ‘hormat dan menghormati’ didapati seramai 137 orang (91.3 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 13 orang (8.7 %) responden tidak bersetuju. Bagi Item 8 - ‘bersefahaman dan muafakat’ didapati seramai 138 orang (92.0 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, 12 orang (8.0 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 9- ‘muhibbah’ didapati

seramai 141 orang (94.0 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 9 orang (6.0 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 11 - ‘bertindak dengan wajar’ didapati seramai 134 orang (89.3 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 16 orang (10.7 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 12 - ‘berlaku adil dan bertimbangrasa’ didapati seramai 137 orang (91.4 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 13 orang (8.6 %) pelajar tidak bersetuju. Respon pelajar untuk lima nilai kewarganegaraan ini diterangkan dengan lebih terperinci dalam Jadual 3.

Jadual 3: Bahagian A : Respon Pelajar Terhadap Nilai-nilai Kewarganegaraan Yang Melibatkan Individu Dalam Hubungannya Dengan Individu Lain

Nilai-nilai Kewarganegaraan	Kekerapan					Jumlah
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Bil. %	
Hormat dan menghormati	0 (0.0)	13 (8.7)	42 (28.0)	95 (63.3)	150 (100)	
Bersefahaman dan muafakat	2 (1.3)	10 (6.7)	45 (30.0)	93 (62.0)	150 (100)	
Muhibbah	2 (1.3)	7 (4.7)	68 (45.3)	73 (48.7)	150 (100)	
Bertindak dengan wajar	3 (2.0)	13 (8.7)	68 (45.3)	66 (44.0)	150 (100)	
Berlaku adil dan bertimbangrasa	2 (1.3)	11 (7.3)	46 (30.7)	91 (60.7)	150 (100)	

Sebanyak enam item daripada Bahagian A adalah nilai-nilai kewarganegaraan yang melibatkan individu dalam peranannya sebagai warganegara. Item 2 dan Item 3 adalah nilai kewarganegaraan daripada kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan ‘Berbangga sebagai rakyat Malaysia’. Item 4, Item 5 dan Item 6 adalah nilai kewarganegaraan daripada kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan ‘Bersemangat setianegara’. Sementara, Item 10 adalah nilai kewarganegaraan daripada kategori utama nilai-nilai kewarganegaraan ‘Berdisiplin’.

Bagi Item 2 - ‘menghormati lambang-lambang negara’ didapati 140 orang (93.4 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, 10 orang (6.6 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 3 - ‘menghargai dan mempertahankan tradisi budaya dan bangsa’ didapati seramai 141 orang (94.0 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, 9 orang (6.0 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 4 - ‘cintakan bangsa dan negara’ didapati seramai 147 orang (98.0 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, 3 orang (2.0 %) pelajar tidak bersetuju.

Bagi Item 5 - ‘peka kepada masalah dan isu tentang negara bangsa dan negara’ didapati 139 orang (92.6 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, 11 orang (7.4 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 6 - ‘bertanggung jawab kepada bangsa dan negara’ didapati 137 orang (91.3 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, 13 orang (8.7 %) pelajar tidak bersetuju. Bagi Item 10 - ‘mematuhi peraturan dan undang-undang’ didapati seramai 131 orang (87.3 %) pelajar bersetuju nilai ini adalah nilai kewarganegaraan. Selebihnya, seramai 19 orang

(8.7 %) pelajar tidak bersetuju. Respon pelajar untuk enam nilai kewarganegaraan ini diterangkan dengan lebih terperinci dalam Jadual 4.

Jadual 4: Bahagian A : Respon Pelajar Terhadap Nilai-nilai Kewarganegaraan Yang Melibatkan Individu Dalam Peranannya Sebagai Warganegara.

	Kekerapan				
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Nilai-nilai Kewarganegaraan	Bil. %	Bil. %	Bil. %	Bil. %	Bil. %
Menghormati lambang-lambang	1 (0.7)	9 (6.0)	64 (42.7)	76 (50.7)	150 (100)
Menghargai dan mempertahankan tradisi budaya dan bangsa	0 (0.0)	9 (6.0)	57 (38.0)	84 (56.0)	150 (100)
Cintakan bangsa dan negara	1 (0.7)	2 (1.3)	46 (30.7)	101 (67.3)	150 (100)
Peka kepada masalah dan isu tentang negara bangsa dan negara	3 (2.0)	8 (5.3)	77 (51.3)	62 (41.3)	150 (100)
Bertanggung jawab kepada bangsa dan negara	2 (1.3)	11 (7.3)	62 (41.3)	75 (50.0)	150 (100)
Mematuhi peraturan dan undang-undang	4 (2.7)	15 (10.0)	50 (33.3)	81 (54.0)	150 (100)

4.4 Kesedaran Pelajar Tentang Kehadiran Nilai-nilai Kewarganegaraan Dalam Lima Mata Pelajaran Teras

Menguji kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah adalah soalan kajian yang kedua. Bagi menguji kesedaran pelajar, kajian ini melibatkan lima mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Pengajian Islam (rujuk soal selidik

Bahagian B). Dapatan kajian menunjukkan daripada lima mata pelajaran teras, pelajar lebih cenderung memilih tiga mata pelajaran. Mata pelajaran yang menjadi pilihan responden sebagai mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan ialah mata pelajaran Bahasa Melayu (98.0 %), Sejarah (93.3 %) dan Pendidikan Islam (93.3 %). Respon pelajar diterangkan dengan lebih terperinci dalam Jadual 5.

Jadual 5: Respon Bahagian B: Kesedaran Pelajar Tentang Kehadiran Nilai-Nilai Kewarganegaraan Dalam Lima Mata Pelajaran Teras

Mata pelajaran	Kekerapan Kehadiran Nilai-nilai Kewarganegaraan					
	Ada Bil.	%	Tiada Bil.	%	Jumlah Bil.	%
Bahasa Melayu	147	98.0	3	2.0	150	100
Bahasa Inggeris	88	58.7	62	41.3	150	100
Sejarah	140	93.3	10	6.7	150	100
Matematik	46	30.7	104	69.3	150	100
Pendidikan Islam	140	93.3	10	6.7	150	100

4.5 Persepsi Pelajar Tentang Tiga Mata pelajaran Yang Mempunyai Nilai-nilai Kewarganegaraan Mengikut Keutamaan

Bahagian B soal selidik juga meninjau persepsi pelajar tentang tiga mata pelajaran yang mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan mengikut keutamaan. Dapatan kajian

menunjukkan mata pelajaran Bahasa Melayu dipilih oleh pelajar di kedudukan yang pertama sebagai paling banyak mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan. Respon ini diberikan oleh seramai 73 orang (48.7 %). Seterusnya, pelajar yang memilih mata pelajaran Sejarah di kedudukan yang kedua ialah seramai 54 orang (36.0 %). Ini diikuti dengan pelajar yang memilih mata pelajaran Pengajian Islam di kedudukan yang ketiga ialah seramai 68 orang (45.3 %). Respon pelajar tentang tiga mata pelajaran yang mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan mengikut keutamaan dijelaskan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Respon Bahagian B: Persepsi Pelajar Tentang Tiga Mata Pelajaran Yang Mempunyai Nilai-nilai Kewarganegaraan Mengikut Keutamaan

Mata pelajaran	Kekerapan					
	Kedudukan					
	Pertama	Bil	Kedua	Bil	Ketiga	Bil
Bahasa Melayu	73	48.7	38	25.3	26	17.3
Sejarah	54	36.0	49	32.7	23	15.3
Pengajian Islam	14	9.3	34	22.7	68	45.3

4.6 Persepsi Pelajar Tentang Keperluan Mata pelajaran Yang Berasingan Untuk Mengenali dan Memahami Nilai-nilai Kewarganegaraan

i) Keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan

Persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan adalah soalan kajian yang ketiga. Bagi tujuan ini, pelajar diminta menyatakan sama ada perlu atau tidak perlu, adanya satu mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan (rujuk soal selidik Bahagian C).

Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang menyatakan perlu mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan adalah seramai 116 orang (77.3 %) dan selebihnya 34 orang (22.7 %) menyatakan tidak perlu. Respons pelajar dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Jadual 7 dan Jadual 8.

Jadual 7 menunjukkan taburan responden mengikut jurusan dan jantina. Didapati tidak ada perbezaan yang ketara dalam jumlah responden yang menyatakan perlu mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan daripada aspek jurusan. Pelajar daripada jurusan Sastera adalah seramai 59 orang (50.9 %) sementara pelajar daripada jurusan Sains adalah seramai 57 orang (49.1 %). Daripada aspek jantina didapati

pelajar lelaki daripada jurusan Sains adalah seramai 21 (38.9 %) orang dan selebihnya seramai 33 orang (61.1 %) adalah daripada jurusan Sastera. Pelajar perempuan daripada jurusan Sains adalah seramai 38 orang (61.3 %) dan selebihnya seramai 24 orang (38.7 %) adalah daripada jurusan Sastera.

Jadual 7: Respon Bahagian C (A): Kekerapan, Bilangan dan Peratus Pelajar yang Berpersepsi Perlu Mata Pelajaran Yang Berasingan untuk Mengenali dan Memahami Nilai-nilai Kewarganegaraan

	Kekerapan					
	Lelaki Bil.	%	Perempuan Bil.	%	Jumlah Bil.	%
Sains	21	38.9	38	61.3	59	50.9
Sastera	33	61.1	24	38.7	57	49.1
Jumlah	54	100	62	100	116	100

Jadual 8 menunjukkan taburan responden mengikut jurusan dan jantina. Didapati tidak ada perbezaan yang ketara dalam jumlah responden yang menyatakan tidak perlu mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan daripada aspek jurusan. Pelajar daripada jurusan Sastera adalah seramai 16 orang (47.1 %) sementara pelajar daripada jurusan Sains adalah seramai 18 orang (52.9 %). Daripada aspek jantina didapati pelajar lelaki daripada jurusan Sains adalah seramai 5 (35.7 %) orang dan

selebihnya seramai 9 orang (64.3 %) adalah daripada jurusan Sastera. Pelajar perempuan daripada jurusan Sains adalah seramai 11 orang (55.0 %) dan selebihnya seramai 9 (45.0 %) orang adalah daripada jurusan Sastera.

Jadual 8: Respon Bahagian C (B): Kekerapan, Bilangan dan Peratus Pelajar yang Berpersepsi Tidak Perlu Mata Pelajaran Yang Berasingan untuk Mengenali dan Memahami Nilai-nilai Kewarganegaraan

	Kekerapan					
	Lelaki Bil.	%	Perempuan Bil.	%	Jumlah Bil.	%
Sains	5	35.7	11	55.0	16	47.1
Sastera	9	64.3	9	45.0	18	52.9
Jumlah	14	100	20	100	34	100

ii) Alasan-alasan yang menyokong respon pelajar mengenai keperluan mata pelajaran yang berasingan bagi Pendidikan Kewarganegaraan

Empat alasan disertakan sebagai pilihan dalam Bahagian C (A). Tujuannya ialah untuk memberi pilihan kepada pelajar sebagai menyokong respon pelajar yang menyatakan perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan.

Bagi Item 1 iaitu berkaitan dengan peranan pendidikan kewarganegaraan untuk memupuk memupuk perasaan cintakan negara, didapati seramai 113 orang (97.4 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 3 orang (2.6 %) pelajar tidak setuju. Bagi Item 2 iaitu kemungkinan pelajar keliru dalam mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, didapati seramai 63 orang (54.3 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 53 orang (45.7 %) pelajar tidak setuju. Bagi Item 3 iaitu nilai-nilai kewarganegaraan tidak dibincangkan oleh guru dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah, dapatkan menunjukkan seramai 47 orang (40.5 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 69 orang (59.5 %) pelajar tidak setuju. Bagi Item 4 ialah pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan penting, didapati seramai 113 orang (97.4 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 3 orang (2.6 %) pelajar tidak setuju. Respon pelajar bagi keempat-empat alasan untuk menyokong pendapat pelajar yang berpersepsi perlu mata pelajaran yang berasingan bagi pendidikan kenegaraan diterangkan secara terperinci dalam Jadual 9.

Jadual 9: Bahagian C (A): Respon Pelajar Terhadap Alasan-alasan Yang Menyokong Persepsi Pelajar Bahawa Perlu Mata Pelajaran Yang Berasingan Bagi Pendidikan Kewarganegaraan

	Kekerapan				
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Alasan-alasan	Bil. %	Bil. %	Bil. %	Bil. %	Bil. %
Ia dapat memupuk semangat cintakan negara.	1 (0.9)	2 (1.7)	36 (31.0)	77 (66.4)	116 (100)
Keliru dalam mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan.	22 (20.0)	31 (26.7)	41 (35.3)	22 (20.0)	116 (100)
Tidak dibincangkan oleh guru dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah.	27 (23.3)	42 (36.2)	32 (27.6)	15 (12.9)	116 (100)
Pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan penting.	0 (0.0)	3 (2.6)	36 (31.0)	77 (66.4)	116 (100)

Empat alasan disertakan sebagai pilihan dalam Bahagian C (B). Tujuannya ialah untuk memberi pilihan kepada pelajar sebagai menyokong respon pelajar yang menyatakan tidak perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan.

Bagi Item 1 iaitu adalah tanggung jawab masyarakat untuk mendidik pelajar menjadi warganegara yang baik dapatkan menunjukkan seramai 29 orang (85.3 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 5 orang (14.7 %) pelajar tidak setuju. Bagi Item 2 iaitu pelajar memahami nilai-nilai

kewarganegaraan, dapatkan menunjukkan seramai 26 orang (76.5 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 8 orang (23.5 %) pelajar tidak setuju. Bagi Item 3 iaitu guru sudah membincangkan nilai-nilai kewarganegaraan dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah didapati seramai 31 orang (91.2 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 3 orang (8.8 %) pelajar tidak setuju. Bagi Item 4 iaitu pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan tidak penting data menunjukkan seramai 3 orang (8.8 %) pelajar bersetuju. Sementara yang selebihnya seramai 31 orang (91.2 %) pelajar tidak setuju. Respon pelajar bagi keempat-empat alasan untuk menyokong pendapat pelajar yang berpersepsi tidak perlu mata pelajaran yang berasingan bagi pendidikan kenegaraan diterangkan secara terperinci dalam Jadual 10.

Jadual 10: Bahagian C (B): Respon Pelajar Terhadap Alasan-alasan Yang Menyokong Persepsi Pelajar Bahawa Tidak Perlu Mata Pelajaran Yang Berasingan Bagi Pendidikan Kewarganegaraan

Alasan-alasan	Kekerapan					Jumlah
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Bil.	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Adalah menjadi tanggung jawab masyarakat untuk mendidik pelajar menjadi warganegara yang baik.	2 (5.9)	3 (8.8)	9 (26.5)	20 (58.8)	34 (100)	
Pelajar memahami nilai-nilai kewarganegaraan.	0 (0.0)	8 (23.5)	21 (61.8)	5 (14.7)	34 (100)	
Guru sudah membincangkan nilai-nilai kewarganegaraan dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah.	0 (0.0)	3 (8.8)	22 (64.7)	9 (26.5)	34 (100)	
Pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan tidak penting.	20 (58.8)	11 (32.4)	2 (5.9)	1 (2.9)	34 (100)	

4.7 Persepsi Pelajar Tentang Versi Pendidikan Kewarganegaraan Yang Sesuai Diajar di Sekolah

Persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah adalah soalan kajian yang keempat. Bagi tujuan ini, 11 item yang terdiri daripada topik-topik pendidikan kewarganegaraan telah disertakan dalam soal selidik untuk mendapat persetujuan pelajar. Item 1 hingga 8 adalah terdiri daripada topik-topik pendidikan kewarganegaraan minimal. Sementara itu, item 9 hingga 11 adalah terdiri daripada topik-topik pendidikan kewarganegaraan maximal.

Responden dikehendaki memberikan persetujuan masing-masing (rujuk soal selidik: Bahagian D – Item 1-15). Responden diminta menandakan sama ada mereka ‘Sangat Setuju’, ‘Setuju’, ‘Kurang Setuju’ dan ‘Tidak Setuju’. Respon kepada setiap 11 item yang terdiri daripada topik-topik pendidikan kewarganegaraan, diterangkan secara terperinci dalam dua jadual yang berasingan. Topik-topik pendidikan kewarganegaraan dibahagi kepada dua bahagian iaitu mengikut versi minimal dan versi maximal untuk menjelaskan persepsi pelajar tentang kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan untuk diajar di sekolah. Bagi tujuan meringkaskan analisa terhadap data yang telah diperolehi, kajian ini membuat andaian respon ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ ditafsirkan sebagai setuju. Sementara itu, respon ‘Kurang Setuju’ dan ‘Tidak Setuju’ ditafsir sebagai tidak setuju.

Bahagian pertama data melibatkan topik-topik pendidikan kewarganegaraan daripada versi pendidikan kewarganegaraan minimal. Item-item yang terlibat ialah Item 1 hingga Item 8. Bagi Item 1 – ‘pengetahuan tentang hak asasi individu di sisi undang-undang’ didapati seramai 129 orang (86.0 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya, seramai 21 orang (14.0 %) tidak bersetuju. Bagi Item 2 – ‘pengetahuan tentang tanggung jawab setiap individu sebagai seorang warganegara’ seramai 143 orang (95.3 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 7 orang (4.7 %) tidak bersetuju.

Bagi Item 3 – ‘hak dan tanggung jawab setiap individu untuk mengundi’ seramai 117 orang (78.0 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 33 orang (22.0 %) tidak bersetuju. Bagi Item 4 – ‘pengetahuan tentang nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, adil, toleransi, disiplin dan sebagainya’ seramai orang 143 (95.3 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 7 orang (4.7 %) tidak bersetuju. Bagi Item 5 – ‘pengetahuan tentang perjalanan sistem kerajaan pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan’ seramai orang 109 (72.7 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 41 orang (27.3 %) tidak bersetuju.

Bagi Item 6 – ‘pengetahuan tentang bagaimana undang-undang negara digubal’ seramai orang 111 (74.0 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 39 orang (26.0 %) tidak bersetuju. Bagi Item 7 – ‘pengetahuan tentang bagaimana sistem parlimen negara berfungsi’ seramai orang 108 (72.0 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 42 orang (28.0 %) tidak bersetuju. Bagi Item 8 – ‘pengamalan unsur demokrasi melalui pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri ’ seramai orang 99 (66.0 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 51 orang (34.0 %) tidak bersetuju. Respon pelajar tentang lapan topik pendidikan kewarganegaraan ini diterangkan secara terperinci dalam Jadual 11.

Jadual 11: Bahagian D: Respon Pelajar Mengenai Kesesuaian Topik-topik Versi Pendidikan Kewarganegaraan Minimal Untuk Diajar Di Sekolah.

Topik Pendidikan Kewarganegaraan	Kekerapan					Jumlah
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.		
Pengetahuan tentang hak asasi individu di sisi undang-undang.	4 (2.7)	17 (11.3)	67 (44.7)	62 (41.3)	150 (100)	
Pengetahuan tentang tanggung jawab individu sebagai seorang warganegara	1 (0.7)	6 (4.0)	70 (46.7)	73 (48.7)	150 (100)	
Hak dan tanggung jawab setiap individu untuk mengundi.	5 (3.3)	28 (18.7)	69 (46.0)	48 (32.0)	150 (100)	
Pengetahuan tentang nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, adil, toleransi, disiplin dan sebagainya.	0 (0.0)	7 (4.7)	50 (33.3)	93 (62.0)	150 (100)	
Pengetahuan tentang perjalanan sistem kerajaan pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.	8 (5.3)	33 (22.0)	73 (48.7)	36 (24.0)	150 (100)	
Pengetahuan tentang bagaimana undang-undang negara digubal.	6 (4.0)	33 (22.0)	71 (47.3)	40 (26.7)	150 (100)	
Pengetahuan tentang bagaimana Sistem Parlimen berfungsi.	6 (4.0)	36 (24.0)	65 (43.3)	43 (28.7)	150 (100)	
Pengamalan unsur demokrasi melalui pembahagian kuasa antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.	12 (8.0)	39 (26.0)	68 (45.3)	31 (20.7)	150 (100)	

Bahagian kedua data melibatkan topik-topik pendidikan kewarganegaraan daripada versi pendidikan kewarganegaraan maximal. Item-item yang terlibat ialah Item 9 hingga Item 11. Bagi Item 9 iaitu pelajar membincangkan dan memperdebatkan isu-isu sosial, ekonomi dan politik semasa, didapati seramai orang 97 (64.7 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah.

Selebihnya seramai 53 orang (35.3 %) tidak bersetuju. Bagi Item 10 iaitu pelajar memberikan pandangan dan mengemukakan cadangan serta penyelesaian mereka sendiri terhadap isu-isu semasa, dapatan menunjukkan seramai orang 125 (83.3 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 25 orang (16.7 %) tidak bersetuju. Bagi Item 11 iaitu pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam memberi pandangan dan cadangan tentang dasar-dasar sosial, ekonomi dan politik negara dengan bimbingan guru dan pegawai pembuat dasar, didapati seramai orang 101 (67.3 %) pelajar bersetuju topik ini adalah topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Selebihnya seramai 49 orang (32.7 %) tidak bersetuju. Respon pelajar tentang lapan topik pendidikan kewarganegaraan ini diterangkan secara terperinci dalam Jadual 12.

Jadual 12: Bahagian D: Respon Pelajar Mengenai Kesesuaian Topik-topik Versi Pendidikan Kewarganegaraan Maximal Untuk Diajar Di Sekolah.

Topik Pendidikan Kewarganegaraan	Kekerapan				
	Tidak Setuju Bil. %	Kurang Setuju Bil. %	Setuju Bil. %	Sangat Setuju Bil. %	Jumlah Bil. %
Pelajar membincangkan dan memperdebatkan isu-isu sosial, ekonomi dan politik semasa.	16 (10.7)	37 (24.7)	47 (31.3)	50 (33.3)	150 (100)
Pelajar memberi pandangan dan mengemukakan cadangan serta penyelesaian mereka sendiri terhadap isu-isu semasa.	4 (2.7)	21 (14.0)	53 (35.3)	72 (48.0)	150 (100)
Pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam memberi cadangan dan pandangan tentang dasar-dasar sosial, ekonomi dan politik negara.	16 (10.7)	33 (22.0)	36 (24.0)	65 (43.3)	150 (100)

4.8 Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, pelajar dapat mengenal pasti nilai-nilai kewarganegaraan dengan baik. Ini dapat dilihat daripada peratusan keseluruhan 150 orang pelajar yang bersetuju ialah 91.4 % (iaitu ‘Setuju’- 38.7 % dan ‘Sangat Setuju’- 52.7 %). Peratusan ini adalah respon kepada 15 item yang terdiri daripada nilai-nilai kewarganegaraan dalam soal selidik Bahagian A.

Dari aspek kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, didapati pelajar cenderung memilih tiga sahaja. Tiga mata pelajaran tersebut ialah Bahasa Melayu, Sejarah dan

Pengajian Islam. Pelajar juga meletakkan mata pelajaran Bahasa Melayu di kedudukan yang pertama sebagai paling banyak mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan. Ini diikuti dengan mata pelajaran Sejarah di kedudukan yang kedua dan seterusnya Pengajian Islam di kedudukan yang ketiga.

Analisa terhadap data yang telah dikumpulkan mendapat lebih ramai pelajar yang berpersepsi perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Ini dilihat daripada bilangan yang menyatakan perlu ada mata pelajaran yang berasingan, iaitu seramai 116 (77.3 %), dibandingkan dengan 34 orang (22.7 %) yang menyatakan tidak perlu. Walau bagaimanapun, dibandingkan dari segi jantina dan jurusan didapati tidak ada banyak perbezaan tentang pendapat ini.

Dari aspek kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan yang boleh diajar di sekolah, didapati pelajar berpersepsi kedua-dua versi ini adalah sesuai. Ini dapat dilihat daripada peratusan yang bersetuju bagi versi minimal ialah 79.9 % (iaitu ‘Setuju’ - 44.4% dan ‘Sangat Setuju’ – 35.5 %) dan bagi versi maximal ialah 71.8 % (iaitu ‘Setuju’ - 41.6 % dan ‘Sangat Setuju’ – 30.2 %). Sebagai perbandingan antara versi pendidikan kewarganegaraan mana yang lebih sesuai diajar di sekolah, didapati persepsi pelajar tidak tidak begitu menunjukkan perbezaan.